

Najib paling layak — PM

JUM 6 JUL 2002

Oleh ZAINI HASSAN
dan MARHAINI KAMARUDDIN

BANGKOK 7 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyebut dengan jelas bahawa Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan calon paling layak dan paling kanan bagi memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dalam Kabinet akan datang.

Perdana Menteri berkata, hasratnya semasa menyebut nama Najib dalam perjumpaan dengan UMNO Kubang Pasu pada 3 Julai lalu bukan untuk 'mengikat' Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya mengambil Najib tetapi untuk melihat supaya tidak ada perebutan kuasa dalam parti.

"Najib yang paling senior (kanan). Saya sedar semasa saya dipilih (oleh Tun Hussein Onn sebagai timbalannya) saya bukan paling senior, sebaliknya paling junior.

"Tetapi saya nampak dalam kes ini calon paling baik dari segi kekananan dan paling banyak pengalaman dalam Kerajaan Pusat ialah Najib," katanya kepada wartawan Malaysia di akhir lawatan rasminya ke Thailand di hotel penginapannya di Le Meridien, di sini.

Pergeseran

Beliau berkata demikian semasa diminta menamakan dengan jelas bakal Timbalan Perdana Menteri dalam Kabinet Abdullah supaya tidak berlaku pergeseran dan persaingan merebut jawatan nombor dua negara itu.

Awang Sulung dalam ruangan *Bisik-Bisik Mingguan, Mingguan Malaysia* hari ini bertajuk 'Bakal Timbalan Perdana Menteri elok dinamakan sekarang,' mencadangkan supaya dinamakan segera calon bagi jawatan itu untuk mengelakkan perebutan dan pertandingan.

Menurutnya, jika senario yang wujud hari ini menjadi pertimbangan, cuma ada dua calon sahaja - Najib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Kedua-duanya Naib Presiden UMNO. Najib menduduki tempat pertama manakala Muhyiddin di tempat ketiga. Tempat kedua diduduki oleh Tan Sri Muhammad Muhd. Taib yang kini bukan seorang anggota Parlimen dan tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan.

■ Lihat muka 4

Najib paling layak — PM

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, beliau mahu melihat proses peralihan kuasa berjalan selicin mungkin, jadi "saya mintalah supaya jangan berebut benda ini".

"Jika orang kata tidak adil (menyebut nama Najib), semasa saya pilih Abdullah pun saya boleh pilih orang lain, tetapi saya pilih Abdullah sebagai saya punya timbalan.

"Walaupun ada tiga empat orang yang sama layak, kita hanya ada satu jawatan, jadi akan ada tiga empat orang yang kecewa," katanya.

Sambil memberi contoh, beliau berkata, dalam kerajaan pun berlaku keadaan yang sama semasa membu-

at pemilihan jawatan Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Setiausaha (KSU).

"Misalnya, bukan dia sahaja yang layak, banyak lagi yang layak tetapi cuma ada satu jawatan, kita pilihlah. Yang lain semua kena terimalah. Kalau tidak jadi macam sesetengah negara yang mana Ketua Angkatan Tentera, umpamanya, ditukar dua tahun sekali sebab nak bagi tempat. Jadi pentadbiran tidak boleh berjalan dengan licin.

"Kita kena ingat jawatan ini bukan untuk individu tetapi khidmat kepada negara yang perlukan masa yang banyak," jelas beliau mengulas rungutan beberapa pihak dalam kem-

kem tertentu UMNO yang menyifatkan adalah tidak adil Dr. Mahathir menyebut nama Najib secara terbuka.

Tokoh negara berusia 77 tahun itu yang telah menerajui kerajaan selama 21 tahun, seterusnya menjelaskan bahawa semasa tempoh perkhidmatan yang lama dipegangnya itu banyak pihak yang kecewa.

"Kalau saya duduk dua ke tiga tahun sahaja dan lepas itu kita tukar, macam di Jepun dua tahun sekali tukar PM, tetapi kita tak macam itu, 44 tahun Merdeka baru ada empat PM jadi tak ada rebutan," jelas beliau. — *Utusan*